

Hikmah di sebalik penetapan rakaat solat

Pengkelasan dibuat ikut waktu bagi memudahkan umat menunaikan sembahyang fardu

? SAYA ingin tahu, apakah kisah atau iktibar di sebalik penetapan jumlah rakaat solat seperti solat Maghrib tiga rakaat selain solat fardu yang lain?

Joe, Alor Setar.

Ketentuan rakaat solat lima waktu adalah sebagai berikut iaitu Subuh dua rakaat, Zuhur (4), Asar (4), Maghrib (3) dan Isyak, 4 rakaat. Mengenai ketentuan atau ketetapan ini sudah tentu mengandungi hikmah dan ada rahsianya, sama ada ia diketahui oleh kita ataupun tidak.

Antara hikmah penetapan dua rakaat untuk solat Subuh, adalah kerana waktu Subuh itu adalah masa yang mana manusia baru saja bangun tidurnya dan kadang-kadang mengantuk masih mempengaruhi. Pada masa sama, rasa malas juga belum hilang, maka Allah ringankan waktu Subuh itu dengan menentukannya dua rakaat saja, namun tidak diringankan bagi waktu solat yang lain.

Bagi Zuhur dan Asar adalah kerana pada kedua waktu itu, semangat dan kesegaran masih melimpah maka ditentukan untuk kedua-dua waktunya dengan masing-masing empat rakaat.

Manakala hikmah solat Maghrib itu tiga rakaat adalah sebagai isyarat Maghrib itu adalah 'witr siang.' Dan Isyak ditetapkan empat rakaat yang rahsianya bagi menampung kekurangan malam daripada siang. Ini disebabkan pada waktu malam ada dua fardu saja sedangkan siang ada tiga fardu.

Dalam lima waktu solat itu, kita boleh membuat pengkelasan berdasarkan jumlah rakaat solat iaitu



PENGKELASAN jumlah rakaat dalam solat bagi memudahkan manusia menunaikan kewajipan kepada Allah.

Tsunaiyah (merujuk dua) iaitu solat Subuh, Thulatsiyah (yang merujuk tiga) iaitu solat Maghrib serta Ruba'iyah (merujuk empat) ada tiga iaitu solat Zuhur, solat Asar dan solat Isyak. Dan tiada rakaat lain selain yang dinyatakan tadi.

Bilangan dua, tiga dan empat ini adalah sesuai dengan ciptaan Allah SWT iaitu sayap malaikat ada yang dua, ada yang tiga dan ada yang empat sebagai mana firman Allah yang bermaksud: *"Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang ber-*

sayap dua, tiga dan empat. Ia menambah bentuk kejadian makhluk yang diciptakan-Nya. Sesungguhnya Allah berkuasa menciptakan sesuatu." Surah Fathir ayat 1

Maka dengan sayap inilah malaikat berkenaan dapat menuju al-Maianul A'la (makam yang lebih tinggi) sebagai mana yang dijadikan untuk Bani Adam ini solatnya dua rakaat, tiga rakaat dan empat rakaat laksana sayap malaikat, maka sampailah mereka dengan rakaatnya ini kepada Allah SWT.

Inilah hikmah yang pernah dituturkan oleh para ulama, anta-

ranya sebagai mana yang dinyatakan dalam kitab *Hasyiah Bajuri*, juz 1, halaman 118 dengan maksud terjemahannya: "Dan hikmah Subuh itu dua rakaat, adalah kekalnya malas disebabkan tidur. Dan hikmah keadaan setiap satu daripada solat Zuhur dan Asar, masing-masing empat rakaat, adalah kerana melimpah kegiatan (semangat) pada waktu kedua-duanya.

Dan hikmah waktu Maghrib itu ditetapkan tiga rakaat, menunjukkan bahawa solat Maghrib itu adalah witrnya siang. Dan hikmah keadaan Isyak itu empat rakaat,

ialah bagi menampung semua kekurangan malam daripada siang."

Pada waktu malam itu cuma ada dua (solat) fardu manakala pada siang ada tiga solat fardu. Apatah lagi sesungguhnya sudah menjadikan Allah bagi malaikat akan sayap serba dua, serba tiga, serba empat.

Maka sampailah mereka itu kepada makam yang tinggi dengan sayap berkenaan. Maka Allah menjadikan bagi anak Adam itu akan solat, ada yang dua rakaat, ada yang tiga rakaat, ada yang empat rakaat, seperti sayap malaikat, supaya mereka sampai dengan solat yang dikerjakan untuk Allah SWT.

Sebenarnya masih banyak hikmah yang terkandung dalam segala perintah, segala apa yang ditentukan Allah SWT baik mengenai kejadian ataupun hukum-Nya.

Tetapi apa yang dapat kita rasakan dan ketahui dari hikmah itu, tidaklah boleh kita menganggap itulah saja menjadi rahsianya. Namun hakikatnya hanya Allah SWT saja yang mengetahuinya. Dan hikmah itu ada kalanya dengan jalan Kasyaf. Ini disebabkan ada di antara mereka dinamakan Muha-ddats, yang mana dibukukan kepada mereka sebahagian daripada rahsia kejadian dan syariat. Walahua'lam.

GAMBAR HIKSAN

INFO

SEBARANG kemusykilan sila hantarkan soalan ringkas menerusi e-mel bminggu@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Berita Minggu, Berita Harian Sdn Bhd, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.